

# Permainan tradisional bantu asah minda kanak-kanak

KOSMO  
16/12/16  
MLS-31

PENGUNAAN gajet yang semakin berleluasa perlu dikawal secara bijak oleh ibu bapa supaya gangguan perkembangan kanak-kanak tidak berlaku.

Menurut **Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia, Prof. Dr. Fatimah Daud**, kanak-kanak yang terlalu leka menggunakan gajet akan menyebabkan minda mereka tidak berkembang dengan baik sekali gus menyukarkan proses pembelajaran.

“Perkembangan teknologi yang semakin maju diakui membantu urusan kebanyakan ibu bapa dalam menjaga anak-anak.

“Begitupun, mereka perlu lebih prihatin terhadap perkembangan minda anak-anak dengan memberikan gajet yang bersesuaian dan bertepatan dalam proses pembesaran si manja.

“Sebagai contoh, ibu bapa boleh memberikan anak-anak permainan ataupun menonton televisyen bercorak

pendidikan yang menguji minda mereka berbanding permainan berunsur hiburan semata-mata,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Fatimah menambah, dengan cara itu, kanak-kanak akan lebih mahir

menggunakan minda mereka ketika bermain dan diaplikasikan ke dalam kehidupan seharian.

Sementara itu, beliau turut mengesyorkan ibu bapa untuk memberikan anak-anak bermain permainan jenis tradisional kerana ia jauh lebih berkesan dalam membentuk minda kanak-kanak.

Antara permainan yang disifatkan mampu menguji minda kanak-kanak dengan

mudah ialah permainan tradisional congkak.

“Banyak permainan tradisional yang semakin dilupakan seperti congkak sedangkan ia sangat membantu mengasah kemahiran minda termasuk menyelesaikan masalah mengira,” katanya.



FATIMAH